سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

BANGUNAN SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM, LAPANGAN
TERBANG LAMA, BERAKAS,
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TEL: 2380459 | 2380460
FAX: 2382772 | 2381893
EMAIL: info@spa.gov.bn
WEBSITE: www.spa.gov.bn

**SURAT PEMBERITAHUAN**
**PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**
**JABATAN PERDANA MENTERI**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN: 2/2022**

Yang Amat Mulia / Yang Berhormat / Yang Dimuliakan / Yang Mulia
Setiausaha-Setiausaha Tetap
Ketua-Ketua Jabatan
Negara Brunei Darussalam

## PSC RECRUITMENT 2.0

Dengan hormat dan takzim sukacita dimaklumkan bahawa portal PSC Recruitment 2.0 (PSCR 2.0) telahpun dilancarkan dan mula digunapakai oleh orang awam serta pegawai-pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam pada **07 September 2021**.

1. PSCR 2.0 adalah sistem pengambilan pekerja dalam talian yang telah dinaik taraf sebagai pemudahcara bagi permohonan dan pengisian jawatan kosong di dalam Perkhidmatan Awam yang lebih **informatif**, **interaktif** dan **mesra pengguna**.

2. Diantara penaiktarafan ciri-ciri PSCR 2.0 adalah untuk memberikan pengalaman pengguna yang lebih mudah dari segi membina profil, menyemak dan membuat permohonan jawatan kosong secara dalam talian yang dapat dilakukan pada bila-bila masa dan dimana jua. Terdapat juga tambahan ruang-ruang bagi melihat "Kedudukan Permohonan" jawatan kosong yang sentiasa dikemaskini serta "Kalendar Saya" iaitu khusus bagi makluman jadual ujian dan temu duga.

3. PSCR 2.0 juga memperkenalkan modul "Aduan Saya" yang mana membolehkan pengguna menghadapkan aduan dan pertanyaan melalui portal tersebut sendiri. Lain-lain ciri juga termasuk "Muat turun CV", terjemahan Bahasa Inggeris (apabila *cursor* ditujukan pada mana-mana perkataan pada portal tersebut) dan pilihan *Light* atau *Dark mode*.

4. Berikutan pengemaskinian sistem terbaru dan perbezaan dengan sistem yang digunakan sebelum ini, terdapat keperluan untuk lantikan POC dari **setiap** Jabatan dan Kementerian bagi modul "Pengesahan POC".

5. Modul "Pengesahan POC" adalah bagi memenuhi keperluan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan-Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggal 83), dalam memastikan butiran-butiran perkhidmatan pegawai dan kakitangan di Jabatan/ Kementerian adalah disahkan **betul** dan **teratur**.

6. Oleh yang demikian, memorandum akan dihadapkan kepada Pengarah-Pengarah Pentadbiran di setiap Kementerian/ Jabatan bagi lantikan Pegawai Penghubung (POC) dan pegawai-pegawai berkenaan akan dijemput bagi menghadiri sesi taklimat mengenai penerangan lanjut PSCR 2.0 serta modul "Pengesahan POC" dalam masa yang terdekat ini.

Sekian disampaikan untuk makluman pihak Yang Amat Mulia/ Yang Mulia Pengiran/ Yang Dimuliakan Pehin/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan mengenainya.

**والسلام**

**"Ikhlas Berkhidmat, Kunci Utama Kejayaan Ekonomi Negara"**

Dengan hormat,

**[AWANG MOHAMAD RIAZ BIN MOHD AMIN/ AMIN]**
Pemangku Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Rujukan: (2)SPA/03/12 (2022)
Tarikh : 15 Safar 1444
12 September 2022

PEMBAHAGIAN:

Yang Amat Mulia/Yang Berhormat/Yang Dimuliakan/Yang Mulia,

Yang Berhormat, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri;

Yang Berhormat, Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;

Yang Mulia, Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah;

Yang Mulia, Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah;

Yang Mulia, Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah;

Yang Mulia, Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah;

Yang Amat Mulia, Pejabat Grand Chamberlain;

**Setiausaha-Setiausaha Tetap**
Yang Mulia, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri;
Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan;
Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan dan Ekonomi;
Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri;
Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;
Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama;
Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan;
Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan;
Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan;
Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan;
Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi;
Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan;

**Jabatan Perdana Menteri**
Peguam Negara;
Juruaudit Agung;
Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei;
Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat;
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;
Pengarah Keselamatan Dalam Negeri;
Pengarah Biro Mencegah Rasuah;
Pengarah Biro Kawalan Narkotik;
Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan;
Pengarah Radio Televisyen Brunei;
Pengarah Perkhidmatan Pengurusan;
Pengarah Kehakiman Negara;
Pengarah Penerangan;
Pengarah Institut Perkhidmatan Awam;
Pengarah Jabatan Penyelidikan Brunei;
Pengarah Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah;
Ketua Pengarah Sumber Manusia dan Korporat, Jabatan Tenaga;
Pengarah Perkhidmatan Elektrik;

**Kementerian Pertahanan**
Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei;
Pengarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia;
Pengarah Kewangan dan Perolehan;
Pengarah Dasar Pertahanan;
Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan;

**Kementerian Kewangan dan Ekonomi**
Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei;
Jurukira Agung;
Pengawal Kastam dan Eksais Diraja;
Pengarah Urusan Tabung Amanah Pekerja;
Pengarah Urusan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei;
Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank;
Ketua Pengarah Perancangan Ekonomi dan Statistik;
Pengarah Jabatan Perdagangan Antarabangsa;
Pengarah Jabatan Perkembangan Perdagangan;
Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB);
FDI Action dan Support Centre (FAST)

**Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri**
Pengarah Jabatan Pentadbiran;
Pengarah Jabatan Asia dan Afrika;
Pengarah Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa;
Pengarah Jabatan Kerjasama Ekonomi;
Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi;
Pengarah Jabatan Protokol dan Hal Ehwal Konsular;
Pengarah Jabatan Asia Timur;
Pengarah Jabatan Eropah dan Amerika;
Pengarah Jabatan Keselamatan;
Pengarah Jabatan ASEAN;
Pengarah Jabatan Perancangan Dasar;

**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**
Pegawai Daerah Brunei dan Muara;
Pegawai Daerah Belait;
Pegawai Daerah Tutong;
Pegawai Daerah Temburong;
Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan;
Pesuruhjaya Buruh;
Pengarah Penjara;
Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan;
Pengerusi Lembaga Bandaran, Kuala Belait/Seria;
Pengerusi Lembaga Bandaran, Tutong;
Pengarah Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat;
Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC);

**Kementerian Hal Ehwal Ugama**
Pengarah Pentadbiran;
Pengarah Urusan Haji;
Pengarah Hal Ehwal Syariah;
Pengarah Pusat Da'wah Islamiah;
Pengarah Hal Ehwal Masjid;
Pengarah Pengajian Islam;
Setiausaha Masjlis Ugama Islam Brunei;
Pendaftar dan Setiausaha, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan;

**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**
Pengarah Pertanian dan Agrimakanan;
Pengarah Perikanan;
Pengarah Perhutanan;
Pengarah Kemajuan Pelancongan;

**Kementerian Kesihatan**
Pengarah Pentadbiran dan Kewangan;
Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan;
Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan;

**Kementerian Pembangunan**
Ketua Pengarah Kerja Raya;
Pesuruhjaya Tanah;
Juruukur Agung;
Pengarah Kemajuan Perumahan;
Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa;
Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi;

**Kementerian Pendidikan**
Ketua Pengarah Pendidikan;
Pengarah Perancangan dan Pengurusan Estet;
Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan;
Pengarah Sekolah-Sekolah;
Pengarah Perkembangan Kurikulum;
Pengarah Ko-Kurikulum;
Pengarah Kenaziran Sekolah-Sekolah;
Pengarah Peperiksaan;
Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi;
Pendaftar dan Setiausaha, Universiti Brunei Darussalam;
Pengarah Perancangan, Penyelidikan dan Perkembangan;
Pengarah Pendidikan Teknik;
Pandaftar dan Setiausaha, Universiti Teknologi Brunei;
Pendaftar, Universiti Islam Sultan Sharif Ali;
Pengarah Politeknik Brunei;
Pengetua Institut Pendidikan Teknikal Brunei;

**Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**
Pengarah Penerbangan Awam;
Pengarah Pengangkutan Darat;
Ketua Pos Agung;
Pengarah Kajicuaca;
Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan;

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**
Pengetua Pusat Sejarah;
Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka;
Pengarah Belia dan Sukan;
Pengarah Muzium-Muzium;
Pengarah Pembangunan Masyarakat;